

NOTIS PENTING: Pindaan 8% Cukai Jualan & Perkhidmatan bagi Sijil Perniagaan

Soalan Lazim (FAQs)

- S1: Apakah Perintah yang telah ditetapkan bagi kenaikan kadar CP dari 6% ke 8%?
J1: Perintah menetapkan semua Sijil Takaful Perniagaan dikenakan kadar CP yang baharu iaitu dari 6% ke 8%. Untuk makluman, Perintah ini tidak terpakai bagi Sijil Takaful Bukan Perniagaan.
- S2: Bilakah Perintah tersebut berkuatkuasa?
J2: Perintah berkuatkuasa bermula 1 Mac 2024.
- S3: Apakah kesan daripada Perintah tersebut?
J3: Pindaan baru berdasarkan Perintah tersebut melibatkan pelanggan yang memiliki sijil-sijil seperti berikut:-
- Sijil-sijil Takaful Perniagaan Baharu
 - Pembaharuan Sijil-sijil Takaful Perniagaan
 - Pengesahan Sijil Takaful Perniagaan yang memberikan perubahan kepada sumbangan sijil
 - Perubahan Sijil-sijil Takaful Bukan Perniagaan kepada Sijil Takaful Perniagaan
- S4: Adakah terdapat sebarang perubahan kepada sumbangan sijil sedia ada?
J4: Bermula 1 Mac 2024, sebarang pembayaran bagi Sijil Takaful Perniagaan anda yang sedia ada akan dikenakan kenaikan kadar CP sebanyak 8%. Selain itu, sebarang pembaharuan atau Sijil-sijil Takaful Perniagaan yang baharu disertai pada atau selepas 1 Mac 2024 turut dikenakan kadar CP yang baharu iaitu 8%.
- S5: Apakah yang perlu saya lakukan berikutan Perintah ini?
J5: Kenaikan CP ini hanya melibatkan Sijil-sijil Takaful Perniagaan sahaja. Sehubungan itu, tiada tindakan yang perlu diambil sekiranya anda memiliki Sijil-sijil Takaful Bukan Perniagaan. Bagi pemilik Sijil Takaful Perniagaan, sila pastikan sumbangan yang dibuat adalah berdasarkan kadar CP yang baharu. Adalah disarankan bagi pemilik Sijil-sijil Takaful Perniagaan untuk membuat semakan sijil anda serta menghubungi Perancang Kewangan PruBSN, Agen Takaful atau Wakil Perbankan kami, untuk maklumat lanjut.
- S6: Bagaimanakah Perintah ini memberi kesan kepada pembaharuan Sijil Takaful Perniagaan saya pada masa akan datang?
J6: Sebarang pembaharuan Sijil Takaful Perniagaan pada atau selepas 1 Mac 2024, kenaikan kadar CP sebanyak 8% akan dikenakan.